



---

**Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Bilangan 1/2026**

**KEMASUKAN KAVEAT PENDAFTAR DALAM PENGURUSAN HARTA PUSAKA  
KECIL**

---



**Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan  
Kementerian Sumber Asli dan Kelestarian Alam  
Putrajaya  
2026**

© Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan, 2026

**Hak cipta terpelihara.** Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau dihantar dalam sebarang bentuk atau apa jua cara sama ada secara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman atau sebaliknya tanpa mendapat keizinan terlebih dahulu daripada Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.

**Maklumat Dokumen**

Tajuk dokumen	Pekeliling Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan Bilangan 1/2026
Disediakan oleh	Bahagian Pengurusan Pusaka Jabatan Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan
Alamat	Menara PETRA No. 25, Persiaran Perdana, Presint 4 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62574 PUTRAJAYA
Telefon	03 – 8871 2684
E-mel	<a href="mailto:bpp@jkptg.gov.my">bpp@jkptg.gov.my</a>
Kategori dokumen	TERBUKA
Tarikh kuat kuasa	03 MAC 2026

**Kawalan Versi Dokumen**

Versi	Tarikh	Ringkasan Pindaan

**PEKELILING KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN  
BILANGAN 1/2026**

**KEMASUKAN KAVEAT PENDAFTAR BAGI PENGURUSAN HARTA  
PUSAKA KECIL**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini dikeluarkan untuk menasihati Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah mengenai kemasukan kaveat pendaftar bagi pengurusan harta pusaka kecil selaras dengan Akta Harta Pusaka Kecil (Pembahagian) 1955 [Akta 98].

**PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN**

2. Berdasarkan seksyen 10 Akta 98, Pegawai Pembahagian Harta Pusaka boleh melantik penjaga atau sahabat wakil kepada mana-mana kanak-kanak, orang yang tidak sempurna akal atau pesakit tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu. Penjaga yang dilantik hendaklah terdiri daripada ahli keluarga terdekat kanak-kanak, orang yang tidak sempurna akal atau pesakit tersebut sama ada ibu, bapa, adik beradik atau mana-mana orang yang dirasakan layak dan sesuai pada pertimbangan Pegawai Pembahagian Harta Pusaka.

3. Walau bagaimanapun di bawah Akta 98, had umur yang dikatakan sebagai kanak-kanak tidak ditafsirkan secara khusus. Oleh yang demikian, peruntukan di bawah seksyen 2 dan 3 Akta Umur Dewasa 1971 [Akta 21] hendaklah diguna pakai dalam sebarang urusan berhubung harta pusaka kecil. Oleh yang demikian, had umur bagi individu yang dikatakan kanak-kanak adalah merujuk kepada orang yang umurnya kurang daripada 18 tahun mengikut kiraan kalendar Gregorian (takwim Masihi).

4. Seterusnya subseksyen 13(2) Akta 98, memperuntukkan bahawa sekiranya bagi sesuatu permohonan harta pusaka kecil ada melibatkan kanak-kanak atau orang yang tidak sempurna akal, Pegawai Pembahagian Harta Pusaka hendaklah membuat perintah berikut:

- (a) Bahagian kanak-kanak dan orang yang tidak sempurna akal tersebut dalam mana-mana harta tak alih untuk didaftarkan di atas nama orang yang sesuai sebagai pemegang amanah; dan
- (b) Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah hendaklah memasukkan satu kaveat bagi melindungi hak kepentingan kana-kanak atau orang yang tidak sempurna akal tersebut.

5. Sehubungan itu dengan berasaskan kepada seksyen 320 dan seksyen 348 Kanun Tanah Negara [Akta 828], dan setelah menerima dokumen mengenai Pelantikan Penjaga melalui Borang H dan Perintah Kemasukan Kaveat melalui Borang HH daripada Pejabat Pembahagian Pusaka yang berkaitan, maka mana-mana Pendaftar Hakmilik dan Pentadbir Tanah, hendaklah membuat tindakan pendaftaran dan endorsan sewajarnya bagi pemegang amanah dan kemasukan kaveat pendaftar terhadap bahagian mana-mana kana-kanak atau orang yang tidak

sempurna akal tersebut mengikut mana yang berkenaan.

**PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA**

6. Pekeliling ini dikeluarkan dengan persetujuan semua Pengarah Tanah dan Galian Negeri dan berkuat kuasa pada tarikh Pekeliling ini ditandatangani oleh Ketua Pengarah Tanah dan Galian Persekutuan.



**(DATO' HJ. MOHD FAUZI BIN MOHD YATIM)**  
**KETUA PENGARAH TANAH DAN GALIAN PERSEKUTUAN**

Tarikh: 03.3.2026